

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan secara menyeluruh reka bentuk kajian yang dijalankan. Selain etnografi kawasan kajian, turut dinyatakan ialah peringkat-peringkat penyelidikan yang telah dirancang reka bentuknya, iaitu peringkat pertama berkait dengan soal selidik dan peringkat kedua ialah mengadakan sesi temu bual dan rakaman bersama informan yang dipilih. Penjelasan tentang kaedah pemungutan dan penganalisan dapatan serta kajian rintis juga dipaparkan.

3.2 Etnografi Kawasan Kajian

Berikut ialah lirik sebuah lagu berjudul *Joget Batu Pahat* yang digubah khas untuk daerah Batu Pahat yang telah berjaya dibuka dan berkembang makmur.

Lagu Joget Batu Pahat	
<i>Tanah yang indah di Negeri Johor Batu Pahat daerah makmur Sungai mengalir ke kuala Dari Simpang Kanan dan Kiri</i>	<i>Gunung Banang tinggi mengawan Nampaklah dari Bukit Soga Istana Hinggap Sultan Johor Raja adil daerah makmur</i>
<i>Di hulu sungai Kampunglah Medan Parit Sulong, pekan nan indah Bukit Pasir dan Tongkang Pecah Semerah letak di utara</i>	<i>Sri Gading utuh terbina Rengit, Senggarang tak kurangnya Minyak Beku di Batu Pahat Nama diberi sempenanya</i>
<i>Chorus Bandar Penggaram tempat berniaga Ramai yang membeli belah di sana Pisang salai di Parit Raja Air Hitam, tempat pelancong</i>	<i>Dahulu kala ia dibuka Oleh Dato' Bentara Luar Satu hari bulan Januari Satu lapan sembilan empat</i>
Lagu Gubahan: Encik Zaidin Bin Hj. Noor (Batu Pahat)	

Lirik lagu tersebut sedikit sebanyak menggambarkan sejarah dan topografi Daerah Batu Pahat. Berdasarkan catatan sejarah oleh Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah Batu Pahat (PTPDBP) 2009, bermula dengan pembukaan kawasan penempatan di sekitar kuala sungai oleh sekumpulan orang kenamaan dan orang-orang besar seperti penghulu dan ketua kampung pada zaman pemerintahan Sultan Hussin era 1834, Batu Pahat pada masa itu dikenali sebagai Pulau Kundur dan Sungai Batu Pahat juga dikenali sebagai Sungai Kundur. Usaha semakin giat dijalankan untuk membuka bandar Batu Pahat sehinggalah pada tahun 1889, Orang Kaya Sidek bin Ismail telah membuka satu penempatan di seberang Kampung Minyak Beku. Pembukaan kawasan penempatan ini telah menarik masuk para pendatang dari Pulau Jawa, Madura dan pulau-pulau di sekitarnya. Orang Jawa yang diketuai oleh Haji Ibrahim kemudian telah membuka kebun kelapa dan kopi di kawasan penempatan mereka.

Pada 1 Januari 1894, bandar Batu Pahat dibuka dengan rasminya oleh Dato' Muhamad Salleh Bin Perang atau dikenali juga sebagai Dato' Bentara Luar. Pada 1 Disember 1894, diadakan majlis pengisytiharan menamakan bandar ini dengan nama Bandar Penggaram, bersempena nama Kampung Penggaram dan Dato' Muhamad Salleh Bin Perang dilantik oleh Sultan Sir Abu Bakar menjadi wakil Raja memerintah Batu Pahat (PTPDBP, 2009).

3.2.1 Topografi Kampung Kajian

Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru adalah dua buah kampung yang terletak saling bersebelahan antara satu sama lain di dalam Kawasan Perindustrian Parit Raja dalam Daerah Batu Pahat. Kedua-dua kampung ini terletak kira-kira 8 kilometer dari Pekan Parit Raja, 22 kilometer dari Bandar Penggaram atau Batu Pahat di sebelah barat dan kira-kira 18 kilometer dari Pekan Ayer Hitam menghala ke sebelah timur (rujuk Rajah 3.1 halaman 59).

Rajah 3.1 Peta Kampung Kajian (Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru)

Pekan Ayer Hitam merupakan tempat tumpuan pelancong kerana keistimewaannya sebagai pusat membeli-belah pelbagai barangan tembikar dan barangan perkahwinan. Kedua-dua kampung ini pula berada di laluan utama Jalan Parit Botak yang menghubungkannya dengan Pekan Senggarang arah barat daya sejauh 12.24 kilometer dan kira-kira 20 kilometer ke Pekan Rengit arah ke tenggara.

Berdasarkan maklumat dari Jabatan Pembangunan Masyarakat PTPDBP, 2009, kedua-dua kampung kajian ini terletak dalam Kawasan Parit Baru merangkumi tiga buah kampung. Sebuah lagi kampung ialah Kampung Parit Rasipan. Bermula pada tahun 2005, ketiga-tiga buah kampung ini diletakkan di bawah pentadbiran seorang ketua kampung. Sebelum itu, Kawasan Parit Baru berada di dalam Kawasan Parit Sempadan yang terdiri daripada enam buah kampung dan sebuah taman perumahan. Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Parit Sempadan, Kampung Parit Lapis Sempadan, Kampung Parit Jambol, Kampung Parit Rasipan, Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru serta Taman Maju.

PTPDBP 2009 juga mencatatkan bahawa, bermula tahun 2005, kerajaan Negeri Johor telah membuat penstrukturan semula kampung agar pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih bijaksana dan efektif untuk tujuan keseimbangan pembangunan di setiap kampung. Kampung dan taman ini dibahagi mengikut kawasan yang lebih kecil. Bahagian 1 ialah Kawasan Parit Sempadan yang terdiri daripada Kampung Parit Sempadan, Kampung Parit Lapis Sempadan dan Kampung Parit Jambol yang ditadbir oleh seorang ketua kampung. Bahagian 2 ialah Kawasan Parit Baru yang terdiri daripada Kampung Parit Baru, Kampung Parit Lapis Baru dan Kampung Parit Rasipan di bawah pentadbiran seorang ketua kampung. Manakala Taman Maju diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Batu Pahat.

3.2.2 Sejarah Kampung Kajian

Berdasarkan catatan yang dibuat oleh Imam Masjid Al-Amin Kampung Parit Baru yang juga bekas ketua kampung era 1990 hingga 1998, Tuan Haji Bohari Bin Selamat, 67, Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru telah dibuka pada sekitar tahun 1921 oleh sekumpulan pendatang berketurunan Jawa berasal dari tanah seberang, iaitu Indonesia. Kumpulan pendatang ini kemudian membuka kawasan persinggahan mereka untuk dijadikan kawasan penempatan atau perkampungan mereka. Jadual 3.1 berikut menyenaraikan kumpulan peneroka yang membuka kedua-dua kampung kajian ini.

Jadual 3.1
Senarai kumpulan peneroka yang membuka kampung kajian

Ketua/Pak Lurah Miskon Bin Karsunawi	
Penasihat Abdullah (dikenali sebagai Embah Abdullah)	
Jurutulis/Setiausaha Kusban Bin Alias @ Mat Lias	
Kampung Parit Baru	Kampung Parit Lapis Baru
1 Haji Kusen Bin Abdullah	1 Haji Badri
2 Mardi Bin Ali Rejo	2 Haji Juraimi Bin Karto
3 Ramlan Bin Singo Mejo	3 Haji Ahmad
4 Taib Bin Ahmad	4 Haji Omar
5 Jabar Bin Nadin	5 Mustorjo
6 Abdul Kahar Bin Abdullah	6 Idris
7 Rakim Bin Ali Rejo	7 Mustari
8 Sobikan Bin San Muhayat	8 Kanimin
9 Sikor Bin Abdullah	9 Rojikon
10 Marson Bin Dio Mejo	10 Kamiron
11 Kadri Bin Mustawi	
12 Jemain Bin Wosorjo	
13 Nandir Bin Joyo Otmo	
14 Miskon Bin Sorokarto	
15 Seran Bin Ali Rejo	
16 Haji Reduan	

Sebelum pembukaannya, kawasan di kedua-dua buah kampung ini adalah sebuah kawasan hutan yang belum diteroka. Pada mulanya tujuan mereka meneroka hutan di kawasan ini ialah untuk dijadikan kebun atau kawasan bercucuk tanam. Namun, lama-kelamaan, kedua-dua kawasan ini menjadi makmur lalu disusun semula menjadi sebuah kawasan perkampungan dengan nama Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru.

Menurut Ketua Kampung Kawasan Parit Baru, Encik Ahmad Dariri yang juga seorang pesara guru, perkataan “baru” bagi nama kampung ini terbit kerana kawasan ini merupakan kawasan yang paling akhir dibuka berbanding kampung-kampung lain di sekitar kawasan tersebut. Perkataan “lapis” bagi Kampung Parit Lapis Baru pula terbit kerana kampung ini dianggap sebagai “pendua”, selain untuk mengelak wujudnya terlalu banyak nama kampung yang dibuka.

Sementara itu, perkataan “parit” yang sememangnya sinonim dengan kawasan petempatan penduduk di Daerah Batu Pahat pula terbit kerana dalam setiap kampung akan dibina sebatang parit selari dengan jalan kecil di kampung tersebut. Selain untuk tujuan perhubungan atau laluan utama, parit ini juga dibina bagi tujuan saliran, iaitu untuk kesuburan kawasan perkebunan di sekitarnya. Sungai pula dibina selari dengan jalan besar atau jalan utama yang menghubungkan antara setiap kampung atau kawasan.

Menurut beberapa orang penduduk yang mengetahui sejarah pembukaannya, nama asal kampung ini ialah Kampung Murni, iaitu bersempena dengan kedatangan golongan alim ulama yang singgah semasa awal pembukaannya.

3.2.3 Asal Usul Komuniti di Kampung Kajian

Buku *Malaysia Kita* (2002) mencatatkan bahawa setelah gugusan Kepulauan Melayu dibahagi dua oleh penjajah Inggeris dan Belanda, masing-masing menduduki kawasan yang ketika itu terdiri daripada Malaysia, Brunei dan Indonesia. Akibat pemisahan dua kawasan Kepulauan Melayu ini, penduduk Indonesia terutamanya dari Pulau Jawa terus berhijrah ke Malaysia. Faktor ini merupakan unsur penting dalam sejarah perkembangan masyarakat majmuk di Semenanjung Malaysia. Proses penghijrahan ini berlaku dengan begitu pesat sekali. Ramai orang Jawa dan Banjar berhijrah dan terus menetap di pantai barat negara ini terutamanya di Johor. Hampir separuh daripada jumlah orang Jawa di Malaysia menetap di Daerah Muar. Orang Banjar pula menetap di Batu Pahat, manakala orang Bugis di Kukup, Pontian. Akibat kepincangan masyarakat mereka dan akibat dasar pemerintahan Belanda yang lebih keras terhadap penduduk tempatan berbanding dengan dasar British, maka ramai orang Indonesia terus berhijrah ke Tanah Melayu pada sekitar tahun 1850-an. Orang Jawa ini bukan sahaja menetap di suatu tempat tertentu, tetapi ramai kalangan mereka yang bermastautin di sepanjang pantai barat Tanah Melayu yang terdapat banyak ladang getah dan ladang kelapa terutamanya di Klang, Hilir Perak dan Seberang Prai.

Kajian yang dibuat mendapati bahawa majoriti masyarakat penutur bahasa Jawa di Johor terutamanya di sepanjang pesisir pantai Batu Pahat, Pontian dan Muar berasal dari Wilayah Jawa Timur dan Jawa Tengah. Sebilangannya pula berasal dari Tanjung Batu, Tanjung Pinang dan di sepanjang pesisir pantai Pulau Sumatera sehingga Palembang. Dengan sebab itu, tempoh perhijrahan mereka ke Semenanjung Tanah Melayu dapat dianggarkan pada sekitar 70 hingga 100 tahun dahulu, iaitu bermula dari sekitar tahun 1850-an hingga 1921 (tahun di mana kampung kajian dibuka).

Penguatkuasaan sempadan antara kedua negara yang longgar pada ketika itu juga menjadi penggalak kepada penghijrahan ini. Mereka bebas keluar masuk negara pada bila-bila masa tanpa perlu menggunakan sebarang permit atau kad pengenalan diri masing-masing. Antara pesisir pantai yang menjadi tumpuan penghijrahan mereka ialah di sepanjang pesisir pantai Johor, Selangor dan Perak. Pesisir pantai ketiga-tiga negeri ini merupakan pesisir pantai yang paling hampir dengan pesisir pantai Pulau Sumatera.

Menurut Imam Masjid Al-Amin Kampung Parit Baru Tuan Haji Bohari Bin Selamat, 67, sebahagian besar daripada ahli peneroka kampung kajian ini termasuk ketua operasinya, iaitu Encik Miskun Karsunawi, berasal dari Tanah Jawa, Indonesia, iaitu dari Daerah Ponorogo yang masing-masing berumur sekitar 20 hingga 30 tahun pada ketika itu. Kebanyakan daripada mereka berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu kerana ingin mencari kehidupan yang lebih baik, mencari rezeki dan seterusnya mengumpul wang untuk tujuan mengerjakan ibadah haji ke Mekah. Sebahagiannya pula datang bersama-sama anak dan isteri masing-masing, sebagaimana yang berlaku kepada informan utama penyelidikan ini yang berhijrah ke Semenanjung Malaysia ketika usia beliau lima tahun lagi.

Golongan peneroka yang melakukan migrasi ke Malaysia ini turut membawa bersama bahasa dan budaya mereka. Bahasa ibunda mereka ialah bahasa Jawa bentuk krama. Bagaimanapun, setelah berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu, penggunaan bahasa Jawa bentuk krama ini agak terbatas kerana kebanyakan penduduk di sekitar kawasan penempatan yang mereka diami lebih cenderung menggunakan bahasa Jawa bentuk ngoko dan bahasa Melayu. Dengan sebab itu, penggunaannya hanya berlegar dalam kalangan peneroka dan sanak saudara mereka sahaja.

Selain memperlihatkan semangat kerjasama dan bergotong-royong yang tinggi sehingga terbinanya kampung yang makmur, penduduk kedua-dua buah kampung kajian ini sebenarnya adalah satu komuniti yang mempunyai pertalian kekeluargaan dan hubungan yang akrab. Mereka sentiasa mengamalkan budaya saling hormat menghormati antara satu sama lain. Situasi ini amat terserlah apabila diadakan kenduri-kendara seperti majlis perkahwinan, perjumpaan *Yasinan* (membaca Surah Yasin dan Tahlil), kenduri arwah, kenduri kesyukuran atau ketika melaksanakan kerja-kerja pengurusan jenazah.

3.2.4 Demografi Kampung Kajian

Mengikut rekod oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah Batu Pahat (PTPDBP), anggaran penduduk dalam Kawasan Parit Baru ialah berjumlah 1016 orang, dengan jumlah kaum lelaki dianggarkan kira-kira 492 orang dan perempuan 524 orang. Jumlah ini merangkumi penduduk bumiputera seramai 977 orang dan 39 orang kaum Cina. Penduduk bumiputera ini adalah terdiri daripada orang Melayu, orang Jawa, dan sedikit campuran orang Bugis serta Banjar yang kesemuanya beragama Islam. Oleh kerana telah berlaku perkahwinan campur antara sesama mereka, maka penyelidik mengistilahkan masyarakat di kawasan kajian ini sebagai masyarakat Melayu-Jawa.

Anggaran jumlah penduduk tersebut meliputi tiga buah kampung, iaitu Kampung Parit Baru, Kampung Parit Lapis Baru dan Kampung Parit Rasipan. Namun, kajian ini hanya menumpu kepada dua buah kampung, iaitu Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru. Keluasan Kampung Parit Baru ialah 248 ekar, merangkumi 365 orang penduduk, manakala keluasan Kampung Parit Lapis Baru ialah 280 ekar, merangkumi 331 orang penduduk.

Pada keseluruhannya, kegiatan ekonomi di kedua-dua buah kampung kajian adalah sama, meskipun mempunyai keluasan tanah yang berbeza. Terdapat tiga jenis kegiatan ekonomi yang utama di kawasan kajian, iaitu kegiatan pertanian, kegiatan penternakan dan kegiatan industri kecil dan sederhana (IKS). Kegiatan pertanian terbahagi kepada dua, iaitu kegiatan pertanian secara kecil-kecilan dan kegiatan pertanian secara komersial.

Kegiatan pertanian secara kecil-kecilan biasanya dijalankan di sekitar rumah kediaman, dengan menanam pelbagai jenis pokok tanaman kontan seperti pokok buah-buahan, kelapa, pisang, ubi, keladi, keledak, serai, halia, kunyit, cekur dan cili. Pelbagai jenis sayur-sayuran juga ditanam untuk keperluan makanan harian seperti pucuk ubi, pucuk manis, terung, kacang panjang, kacang botol, peria, petola, kangkong dan pelbagai jenis ulam-ulaman. Manakala bagi kegiatan pertanian secara komersial, biasanya tanah individu terbabit diusahakan dengan tanaman seperti kelapa sawit, kelapa, pisang atau buah-buahan. Dewasa ini tanaman yang menjana ekonomi penduduk ialah tanaman kelapa sawit. Selain itu, kegiatan penternakan juga dijalankan di kawasan ini sebagai kegiatan sampingan. Antara binatang ternakan yang diusahakan ialah lembu, ayam dan kambing.

Selain itu, penduduk di kawasan kajian ini juga menjalankan kegiatan industri kecil dan sederhana (IKS). Sebelum tahun 1980, Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru terkenal dengan pengeluaran pisang salai. Perusahaan ini tidak banyak memerlukan modal kerana segala keperluannya boleh diperolehi di sekitar tempat pisang salai tersebut diproses. Bermula awal 1980-an, kedua-dua kampung kajian ini rancak mengusahakan pelbagai jenis kerepek seperti kerepek ubi, pisang, keladi, tempe dan sukun dalam pelbagai perasa. Perusahaan ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada menambah sumber kewangan

keluarga kerana perusahaan ini mampu menyediakan peluang pekerjaan tambahan kepada para suri rumah. Pada awal pagi mereka akan keluar bekerja sebagai penoreh getah sama ada bekerja di kebun getah milik sendiri atau mengambil upah, manakala pada sebelah petang, mereka akan mengambil upah bekerja di kilang kerepek pula.

Selain aktif dalam bidang ekonomi, masyarakat di kampung kajian juga mempunyai beberapa aktiviti kemasyarakatan dan gotong-royong yang masih dilakukan seperti *réwang*, pengurusan jenazah, *sambatan*, *ro'an* dan aktiviti kesenian seperti kompang dan gamelan.

Réwang ialah istilah bagi kerja yang dilakukan secara bergotong-royong apabila ada penduduk kampung mengadakan kenduri terutamanya kenduri untuk majlis perkahwinan. *Réwang* merupakan aktiviti gotong-royong yang telah dilakukan sejak turun-temurun lagi dan biasanya akan dilakukan sebelum, semasa dan selepas sesuatu majlis berlangsung. Perkataan *sambatan* berasal daripada perkataan bahasa Jawa 'sambat' yang bermaksud meminta pertolongan untuk mengerjakan sesuatu (*Kamus Dewan*, 1986). Bagi masyarakat di kampung kajian ini, *sambatan* ialah istilah bagi kerja gotong-royong untuk mendirikan rumah. *Ro'an* pula ialah istilah bagi kerja gotong-royong membersihkan sesuatu kawasan, terutama gotong-royong membersihkan parit. Bagaimanapun, *ro'an* membersihkan parit dilakukan oleh para pekerja dari Jabatan Parit dan Saliran (JPS), yang kini dikenali sebagai Jabatan Parit dan Tali Air.

Majoriti penduduk di kampung kajian adalah beragama Islam. Pelbagai aktiviti keagamaan dijalankan seperti *yasinan*, ceramah agama, sambutan Maulidur Rasul, kenduri arwah, sembahyang Jumaat berjamaah dan *baraan*. Dalam konteks ini, istilah *yasinan* ialah istilah

yang merujuk kepada aktiviti membaca Surah Yasin dan Tahlil yang diadakan pada setiap minggu secara bergilir-gilir. Istilah *baraan* pula bermaksud berkunjung dari rumah ke rumah secara beramai-ramai atau berkumpul untuk tujuan bermaaf-maafan dan memeriahkan suasana hari raya. *Baraan* dikenali juga sebagai *marhaban*. Justeru, *baraan* hanya boleh ditemui apabila tiba Hari Raya Aidilfitri.

3.2.5 Struktur Organisasi Kampung Kajian

Berdasarkan rekod oleh Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah Batu Pahat (PTPDBP) dalam Bajet 2009, Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru terletak di dalam daerah Batu Pahat di negeri Johor. Seorang pegawai daerah dipertanggungjawabkan bagi mentadbir hal-ehwal daerah di bawah struktur organisasi persekutuan dan seorang penghulu bagi setiap mukim dilantik, manakala seorang penghulu bagi setiap satu kampung rangkaian dilantik untuk memastikan segala hal-ehwal pentadbiran dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.


(a) Ketua Kampung

Pada awal pembukaan, iaitu pada tahun 1921, kampung kajian telah ditadbir secara berasingan. Ketua Kampung atau lebih dikenali dengan *Pak Lurah* bagi Kampung Parit Baru ialah Miskon Bin Karsunawi, manakala *Pak Lurah* bagi Kampung Parit Lapis Baru ialah Badri. Namun, atas rasa semangat kerjasama dan jalinan perhubungan yang kuat, maka kedua-dua belah pihak telah bersepakat untuk menyatukan kampung mereka di bawah satu ketua atau *Pak Lurah*. Akhirnya, atas bersetujuan bersama, penduduk kampung melantik Miskon Bin Karsunawi sebagai *Pak Lurah* mereka, manakala Embah Abdullah dilantik sebagai penasihat dan jurutulis atau setiausaha yang dilantik ialah Kusban Alias (rujuk Jadual 3.1 halaman 61).


Sehingga tahun 2009, kampung kajian telah ditadbir oleh sekurang-kurangnya tujuh orang *Pak Lurah* atau Ketua Kampung. Dengan bantuan dan kerjasama Tuan Haji Bohari Bin Selamat, seorang daripada bekas Ketua Kampung, berikut disenaraikan Ketua Kampung yang telah dan sedang berkhidmat menerajui kampung kajian:

- Ketua Kampung Pertama: Miskon Bin Karsunawi (1921 – 1955)
- *Ketua Kampung Kedua: Abdul Majid Bin Abdul Hamid (1956 – 1965) (bertauliah)
- Ketua Kampung Ketiga: Tuan Haji Siraj Bin Haji Yusof (1966 -1988)
- Ketua Kampung Keempat: Tuan Haji Bohari Bin Selamat (1 Julai 1989 – 30 Jun 1994)
(rasmi) dan 1995 – 1997 (memangku)
- Ketua Kampung Kelima: Tuan Haji Ithnin Bin Buang (1998 – 2003)
- Ketua Kampung Keenam: Tuan Haji Ayon Bin Juwahir (2004 – 2009) telah meninggal dunia sebelum tamat tempoh perkhidmatan.
- Ketua Kampung Ketujuh: Ahmad Dariri Bin Kasim (pertengahan 2008 hingga kini)

*Nota: Ketua Kampung bertauliah hanya bermula pada tahun 1956.



Rajah 3.2 Struktur Organisasi Kampung Kajian



Rajah 3.3 Struktur Jawatankuasa Kampung (JKK) Kampung Kajian

(b) Imam

Sebagaimana *Pak Lurah*, kampung kajian juga memiliki dua orang Imam pada awal kampung ini dibuka. Imam bagi Kampung Parit Baru ialah Tuan Haji Salleh Bin Abdullah, manakala Imam bagi Kampung Parit Lapis Baru ialah Tuan Haji Ahmad. Sekali lagi penyelidik mendapat bantuan dan kerjasama daripada Tuan Haji Bohari Bin Selamat untuk menyenaraikan para Imam. Imam-imam berkenaan ialah:

Imam Pertama:	Tuan Haji Salleh Bin Abdullah (1945 – 1951)
Imam Kedua:	Tuan Haji Shahri Bin Tokkeromo (1951 – 1960)
Imam Ketiga:	Tuan Haji Mastor Bin Haji Abdul Jabar (memangku)
Imam Keempat:	Tuan Haji Masrukin Bin Haji Shahri (memangku/membantu ayah beliau dari 1960 – 1976)
*Imam Kelima:	Tuan Haji Ayob Bin Haji Abdul Jabar (1976 – 1984)
Imam Keenam:	Tuan Haji Bohari Bin Selamat (1985 hingga kini)

*Nota: Jawatan Imam bertauliah bermula pada tahun 1976.

Oleh kerana suasana negara yang runcing pada masa itu, iaitu sebelum dan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, penduduk di kampung kajian tidak dapat mendirikan sama ada surau mahupun masjid. Selepas tamat pendudukan Jepun, penduduk di kampung kajian telah bergotong-royong membina sebuah surau kecil berteraskan kayu-kayu hutan di kawasan kebun Encik Ramlan Bin Singo Mejo. Lokasi surau ini terletak di satu simpang antara Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru.

Pada tahun 1945, sebuah masjid baru yang berteraskan kayu dibina di tapak masjid yang ada sekarang ini dan digunakan sehingga tahun 1961. Kemudian, di bawah Kerajaan Perikatan,

melalui wakil rakyat kawasan, iaitu YB Dato' Yusak Bin Haji Nawawi, masjid ini mendapat peruntukan sebanyak RM8,000 untuk pembinaan semula. Masjid ini digunakan sehingga tahun 2001 apabila sekali lagi mendapat peruntukan untuk tujuan pembinaan semula dari Unit Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM590,000.

Sepanjang tempoh pembinaan semula, iaitu dari 15 Februari 2002 hingga 15 Mei 2003, solat Jumaat telah diadakan di surau Kampung Parit Lapis Baru. Pada 1 Oktober 2003, masjid ini siap dan dinamakan Masjid Jamek Al-Amin. Pembukaan rasminya telah dilakukan oleh Khadi Daerah Batu Pahat Tuan Sheikh Haji Yahya Bin Haji Ahmad. Serentak dengan itu, solat Jumaat yang pertama dilakukan dengan beliau sendiri mengimamkan solat tersebut.




Rajah 3.4 Masjid lama yang digunakan dari tahun 1945 hingga 1961. (gambar fail Tn. Hj. Bohari Selamat)



Rajah 3.5 Masjid Jamek Al-Amin yang didirikan pada tahun 2003 dan digunakan hingga kini.

3.3 Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini disusun dengan berpandukan kepada gabungan kaedah oleh Asmah Hj Omar (1990) dan Labov (1966). Reka bentuk kajian ini secara keseluruhannya dapat digambarkan sebagaimana yang berikut:



(Sumber: Asmah Hj. Omar, 1992:75. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: DBP)

Rajah 3.6 Reka bentuk kajian

3.4 Informan

Informan kajian ini terbahagi kepada empat kumpulan yang mewakili empat generasi (G) berumur 15 tahun ke atas, yang terdiri daripada informan berpangkat datuk dan nenek sebagai generasi satu (GI), lingkungan usia 61 tahun ke atas, informan berpangkat ibu dan bapa serta bapa dan emak saudara (pak cik dan mak cik) sebagai generasi dua (GII), lingkungan usia 46 hingga 60 tahun, informan berpangkat abang, kakak dan abang serta kakak sepupu sebagai generasi tiga (GIII), lingkungan usia 31 hingga 45 tahun dan informan berpangkat anak atau cucu sebagai generasi empat (GIV), lingkungan usia 15 hingga 30 tahun. Keempat-empat generasi ini diwujudkan agar maklumat yang diperoleh dapat menggambarkan fenomena sebenar akan penggunaan bahasa Jawa di kawasan kajian.

Komposisi generasi ini adalah berdasarkan pendekatan yang digunakan oleh Fasold (1984) dalam kajiannya tentang masyarakat Indian Tiwa. Beliau menyatakan bahawa, “... *in studying whether a community has given up the use of its mother tongue in favour of another language, age distribution numbers is one of important indicator.*” Bagaimanapun, Fasold (1984) telah membahagikan informan kepada lima generasi, dengan meletakkan GV sebagai kumpulan informan di bawah umur 15 tahun ke bawah. Kajian ini tidak menggunakan informan yang berumur 15 tahun ke bawah.

Justeru, kajian ini melihat umur seseorang informan itu sebagai landasan penting bagi menetapkan setiap kumpulan generasi. Daripada kumpulan generasi informan yang telah dibentuk itu, sasaran untuk mengumpulkan bentuk-bentuk dapatan melalui kaedah soal selidik, temu bual dan rakaman, diharapkan akan diperolehi.

Jadual 3.2 Komposisi informan mengikut generasi

Kumpulan	Kategori	Umur
Generasi I (GI)	Generasi peringkat: Datuk & Nenek	> 61 tahun
Generasi II (GII)	Generasi peringkat: Ibu & Bapa, Pak cik & Mak cik	46 hingga 60 tahun
Generasi III (GIII)	Generasi peringkat: Abang & Kakak, Abang & Kakak Sepupu	31 hingga 45 tahun
Generasi IV (GIV)	Generasi peringkat: Anak & Cucu	15 hingga 30 tahun

Sebanyak 10 buah keluarga (K) atau 10 kumpulan dapat dibentuk yang mempunyai keempat-empat generasi tersebut. Dalam kajian ini, setiap keluarga akan ditandai dengan K1, K2, K3, K4, K5, K6, K7, K8, K9 dan K10. Setiap keluarga ini diwakili oleh 10 orang daripada ahli keluarga masing-masing, menjadikan jumlah keseluruhan informan kajian ini ialah 100 orang daripada kedua-dua gender, iaitu lelaki dan perempuan (Lampiran 4).

Informan Generasi I (GI) merupakan generasi tertua dalam kajian ini, manakala informan GII, GIII dan GIV dipilih kerana mereka merupakan ahli keluarga kepada GI (Jadual 3.2 halaman 75). Tujuannya ialah untuk mengkaji penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan mereka di kawasan kajian.

Jadual 3.3 Maklumat demografi informan mengikut gender

Informan	GI	GII	GIII	GIV	Jumlah
L (lelaki)	13	16	7	8	44
P (perempuan)	20	16	9	11	56
Jumlah	33	32	16	19	100

Kajian ini hanya menetapkan satu syarat kepada informan kajian, iaitu informan bagi GI mestilah telah bermastautin di kawasan kajian dalam tempoh lebih kurang 50 tahun. Tempoh ini diambil setelah mengambil kira umur informan utama kajian yang kini telah berumur 95 tahun. Beliau yang berasal dari Kampung Nurut, Polorgo, Ponorogo, Pulau Jawa, berhijrah bersama-sama ibu bapanya ke Malaysia (Tanah Melayu) ketika berumur lima tahun pada sekitar tahun awal 1911.

3.5 Kaedah Pemungutan Data

Kaedah pemungutan data untuk kajian etnolinguistik ini adalah berlandaskan kaedah penyelidikan lapangan hulu dan hiliran (*upstream and downstream research*). Kaedah penyelidikan hulu dan hiliran ini telah digunakan untuk penyelidikan bahasa Mah Meri di Kampung Bukit Bangkong (A), Sepang, Selangor oleh sepasukan penyelidik Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang diketuai oleh Profesor Dr. Choi Kim Yok pada tahun 2006. Menurut Asmah Haji Omar,

“Kaedah linguistik lapangan hulu yang digunakan dalam kajian bahasa Mah Meri ini mengutamakan pendekatan etnografi, induktif dan kualitatif.

(Asmah Haji Omar (2001) dalam Asmah Haji Omar, 2006:3)

Dalam konteks ini, Asmah Haji Omar (2006) menyatakan bahawa:

“... kaedah penyelidikan lapangan hulu (*upstream*) bermaksud penyelidikan ke atas bahasa yang belum pernah dikaji orang dan tidak diketahui atau pernah didengari oleh mereka sendiri (penyelidik). Tegasnya, penyelidikan jenis ini membawa para peserta (penyelidik) meneroka *the unknown*.”

(Asmah Haji Omar (2001) dalam Asmah Haji Omar, 2006:1)

Bagi kajian bahasa Mah Meri ini, kumpulan kaedah penyelidikan lapangan hulu (*upstream*) melaksanakan tugas mengumpul data dan membuat huraian dan analisis bahasa dari segi fonologi, morfologi, sintaksis, golongan dan jenis kata serta konsep dan kepercayaan dalam etnolinguistik. Pada peringkat ini teknik yang digunakan untuk mengumpul data ialah dengan mengadakan sesi temu bual dan perbualan tersebut dirakam. Kemudian, rakaman akan ditranskripsikan sebelum kerja-kerja seterusnya seperti menghurai dan menganalisis data dijalankan. Oleh kerana tidak pernah mendengar dan juga tidak memahami, adakalanya para penyelidik terpaksa menggunakan teknik penterjemahan. Kumpulan kedua yang menjalankan kaedah penyelidikan hiliran (*downstream*) ini pula melaksanakan tugas mengumpul dan menganalisis data dari segi makrososiolinguistik dan mikrososiolinguistik.

Fokus kajian ini ialah dari aspek penggunaan bahasa Jawa bagi domain yang dipilih dari segi budaya, iaitu budaya ketika memohon maaf ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri, bahasa

kiasan yang meliputi peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan dan pantun serta doa dan ungkapan lafaz niat. Maka kedua-dua kaedah penyelidikan (kaedah penyelidikan lapangan hulu dan hiliran (*upstream* dan *downstream research*) ini amat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

Kaedah penyelidikan lapangan hulu (*upstream*) tetap relevan untuk kajian ini terutama bagi tugas mengumpul data bagi ungkapan memohon maaf, doa dan ungkapan lafaz niat yang kebanyakannya diperolehi daripada generasi pertama (G1). Ungkapan-ungkapan ini dituturkan dalam bahasa Jawa bentuk krama yang sememangnya amat berbeza dengan bentuk dan sebutan dalam bahasa Jawa ngoko atau bahasa Jawa kasar. Masyarakat di kawasan kajian mengistilahkan bahasa Jawa bentuk krama ini sebagai *basa* atau *bahasa Jawa halus*.

Kajian ini juga akan mengumpul data dari segi penggunaan bagi domain rumah, keluarga dan kawan. Konsep domain mula diperkenalkan oleh Schmidt Rohr (Fishman's, 1966:428 dalam David, M. 1996) dan terus diketengahkan oleh Fishman. Beliau mendefinisikan domain sebagai,

“ ... a socio-cultural abstracted from topics of communication relationships and interaction between communicators and locales of communication in accord with the institutions of a society ...”

(Fishman, 1972a:82)

Bagaimanapun, menurut Fishman, penggunaan bahasa dalam sesuatu domain itu adalah bergantung kepada peserta (*participants* atau *interlocutors*), topik dan tempat (*setting*).

Dengan sebab itu, data yang terkumpul dalam kajian ini adalah berdasarkan domain rumah, keluarga dan kawan untuk mengkaji bahasa Jawa dan penggunaannya. Fishman (1972a) menyatakan bahawa *domain is important in analysing language use and to study the phenomena of language maintenance and shift*. Maka kajian ini juga akan meneliti sama ada terdapat fenomena peralihan bahasa atau percampuran kod di kawasan kajian dengan menggunakan analisis domain.

3.5.1 Instrumen Pemungutan Data

Pemungutan data kajian ini dibuat melalui dua peringkat utama, iaitu Peringkat 1 dan Peringkat 2 yang akan dijelaskan dalam bahagian berikut ini. Setiap peringkat ini dibina dengan mengambil kira keperluan dan kesesuaiannya. Instrumen untuk memungut data yang digunakan untuk kajian ini terdiri daripada dua set soalan, iaitu jenis soalan tertutup dan jenis soalan terbuka.

Set soalan tertutup ialah soalan soal selidik yang mengandungi tiga bahagian meliputi pelbagai bentuk soalan (Lampiran 1). Bahagian pertama ialah soalan untuk mengetahui tentang latar belakang informan, pandangan atau pendirian informan berkaitan penggunaan bahasa yang dikaji, bahagian kedua ialah soalan yang berkaitan dengan pengetahuan informan akan bahasa yang dikaji, manakala bahagian ketiga ialah soalan yang berkaitan dengan perbendaharaan kata.

Set soalan terbuka dikemukakan semasa sesi temu bual (Lampiran 2). Soalan-soalan ini akan dikemukakan semasa sesi temu bual dengan fokus untuk mendapatkan ungkapan memohon maaf, doa, lafaz niat dan bahasa kiasan serta ayat-ayat dan perkataan (perbendaharaan kata)

yang sering digunakan. Bagaimanapun, soalan-soalan yang dikemukakan adalah bergantung kepada kesesuaian kehidupan informan. Menurut Asmah Haji Omar,

“Jika menggunakan soal selidik, ia hanya sebagai panduan sahaja, dan kita tidak perlu terikat dengan soalan-soalan yang ada dalam borang soal selidik itu.”


(Asmah Haji Omar, 1992:78)

Bagaimanapun, hanya dapatan daripada sesi temu bual yang akan digunakan sebagai asas kajian untuk melihat sebarang maklumat yang ditemui berkaitan bentuk dan ciri-ciri penggunaan bahasa Jawa. Pola penggunaan bahasa Jawa dan variasinya serta fenomena lain seperti fenomena pergeseran dan kemerosotan penggunaannya serta percampuran bahasa dan peralihan kod juga turut diambil kira. Kesemuanya dapatan ini akan dipaparkan dalam Bab 4 nanti.

(a) Peringkat 1 Kajian

Peringkat I kajian ini melalui lima langkah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.7 halaman 81. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup dan diedarkan kepada informan di kawasan kajian.


Langkah 1 ialah menghubungi informan atau wakil informan untuk mengedarkan borang soal selidik. Langkah 2 ialah memungut kembali borang soal selidik yang telah lengkap diisi dan Langkah 3 membuat transkripsi. Langkah 4 pula membuat pengekodan dan kemudian membuat analisis data yang terkumpul. Langkah akhir, iaitu Langkah 5 penyelidik membuat kesimpulan berdasarkan analisis yang telah selesai dibuat.



Rajah 3.7 Carta aliran Peringkat 1

(b) Peringkat 2 Kajian

Peringkat 2 kajian ini pula melalui empat langkah. Langkah 1 ialah merangkumi memilih informan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan untuk kajian ini, tinjauan, pemerhatian dan mengadakan temu bual awal bagi mengenal pasti fenomena kajian. Langkah 2 ialah mengadakan temu bual menggunakan set soalan terbuka dan rakaman bersama kesemua informan yang telah dipilih. Transkripsi rakaman daripada sesi temu bual inilah yang akan dijadikan data kajian. Sesi temu bual ini dijalankan dalam tempoh dua minggu, bermula pada 6 hingga 19 Oktober 2009, bersamaan 17 hingga 30 Syawal 1430H. Langkah 3 ialah membuat analisis transkripsi, manakala Langkah 4 ialah membuat kesimpulan. Rajah 3.8 halaman 82 berikut menunjukkan carta aliran Peringkat 2 kajian.



Rajah 3.8 Carta aliran Peringkat 2

Pada peringkat kedua ini, penyelidik telah mengadakan sebanyak 53 sesi temu bual bersama informan daripada kumpulan GI, GII dan GIII. Sebelum sesi temu bual dimulakan, penyelidik akan terlebih dahulu meminta izin daripada informan terbabit untuk merakamkan perbualan dan akan menerangkan tujuan sebenar perbualan tersebut diadakan. Bagaimanapun, sedikit catatan adakalanya perlu dilakukan bergantung kepada informan, situasi dan tempat terutama apabila sesuatu ayat atau ungkapan itu diungkapkan dengan cepat dan kurang jelas dari segi sebutannya.

3.6 Transkripsi dan Pengekodaan Dapatan Soal Selidik

Transkripsi dan pengekodan akan dibuat ke atas semua data daripada borang soal selidik. Pengekodan akan dibuat berdasarkan kategori-kategori tertentu dapatan mengikut kumpulan generasi masing-masing, iaitu GI, GII, GIII dan GIV.

3.7 Transkripsi Hasil Rakaman Temu Bual

Setiap temu bual telah berlangsung selama lebih kurang satu jam. Bagaimanapun, tempoh ini bergantung kepada situasi semasa temu bual diadakan. Kesemua sesi temu bual ini dirakam

menggunakan alat perakam *MP3 Transcent*. Hasil rakaman temu bual ini akan ditranskripsi dan dibuat pengekodan sebelum dianalisis.

3.8 Pengedaran Soal Selidik

Dalam kajian ini, pengedaran borang selidik telah dilakukan sebanyak tiga peringkat:

- (a) Peringkat pertama: sebanyak 40 set borang diedarkan di kedua-dua buah kampung kajian pada 27 Jun 2009.
- (b) Peringkat kedua: sebanyak 40 set borang telah diedarkan kepada informan baru pada 29 Julai 2009.
- (c) Peringkat ketiga: 20 set borang soal selidik diedarkan pada 22 Ogos 2009 kepada setiap kumpulan keluarga.

Akhirnya, sebanyak 47 set borang soal selidik yang telah lengkap diisi berjaya dikumpul menjadikan jumlah informan dari keempat-empat generasi untuk kajian ini berjumlah 100 orang dengan bilangan informan yang melalui sesi temu bual berjumlah 53 orang.

3.9 Analisis Dapatan

Kaedah statistik deskriptif digunakan bagi menghurai ataupun membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang diperoleh (Azizi Yahaya et al., 2007). Tugas menganalisis dan mentakrif dapatan menjadi bertambah mudah dengan adanya Pakej Statistik Sains Sosial atau *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Turut diaplikasikan dalam kajian ini ialah kaedah mengukur kecenderungan memusat yang mempunyai tiga cara untuk mengukur titik tengah (pusat kecenderungan) bagi taburan data, iaitu min, mod dan median. Bagaimanapun, kajian ini hanya akan menggunakan kaedah mengukur kecenderungan memusat melalui cara median dalam pengukuran titik tengah bagi taburan data.

3.10 Analisis Transkripsi Hasil Rakaman Temu Bual

Analisis dapatan dijalankan setelah kerja pengkodan selesai. Analisis ini dijalankan ke atas semua transkripsi daripada dua instrumen memungut data, iaitu dapatan daripada soal selidik dan dapatan daripada hasil rakaman temu bual berdasarkan kumpulan generasi.

3.11 Kajian Rintis

Kajian rintis yang dijalankan adalah untuk mengukur kesahan soalan soal selidik, selain bertujuan untuk melatih penyelidik mentadbir instrumen yang telah dibina. Sebelum diedarkan kepada informan untuk kajian sebenar, pembetulan dan kemaskini ke atas set soal selidik dilakukan.

3.12 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan reka bentuk dan metodologi untuk kajian yang hendak dilaksanakan. Justeru, kajian etnolinguistik ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan huluan (*upstream*) dan hiliran (*downstream*) oleh Asmah Haji Omar (1990) serta analisis domain oleh Fishman (1966). Metodologi penyelidikan penting dalam menentukan himpunan data yang diperlukan dalam penyelidikan. Dengan kata lain, metodologi penyelidikan memberi panduan dalam pelaksanaan serta cara pelaksanaan penyelidikan tersebut (Azizi Yahaya et al. 2007).